

Semua PTJ JANM Negeri Perlis

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Tuan/Puan,

Ruj. kami: ANM.Ps (UPA)0009 Jld.14 (2)

Tarikh: 05 Januari 2026

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2022 (SPANM) berkaitan Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan [JANM.BKP.600-14/1/11 JLD.4(4)] adalah berkaitan.

2. Berdasarkan ketetapan SPANM Bilangan 3 Tahun 2022, penyelenggaraan laporan perakaunan aset bukan kewangan hendaklah disediakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ). Penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan Bagi Sukuan Keempat (4) Tahun 2025 (berakhir 31 Disember 2025) ini perlu disediakan bagi memastikan maklumat aset di PTJ adalah tepat dan wujud secara fizikal supaya Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan memberi gambaran benar dan saksama. Tanggungjawab dan akauntabiliti bagi memastikan ketepatan kedudukan aset adalah di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) pemilik aset berkenaan.

3. Pengesahan ini hendaklah disediakan dalam tempoh yang ditetapkan dan dikemukakan kepada UPA JANM Perlis secara **softcopy** (email: aset_per@anm.gov.my) untuk tindakan selanjutnya **selewat-lewatnya pada 19 Februari 2026 (Khamis) jam 5.00 petang**. Mohon PTJ **mematuhi tarikh yang telah ditetapkan**. Pastikan Laporan Baki Aset (LBA) disemak dengan terperinci dan verifikasi keberadaan aset dilaksanakan dengan tepat berserta dokumen sokongan lengkap. Semua tindakan pelarasan dan pembetulan yang dikenalpasti pada verifikasi sukuan ketiga tahun 2025 **hendaklah diselesaikan dengan segera** dan tidak berulang pada verifikasi sukuan keempat tahun 2025.

4. Bersama-sama ini disertakan **Template Verifikasi Aset (TVA)** yang baharu, **Jadual Aktiviti** dan **Tatacara Penyelenggaraan Laporan Aset Bukan Kewangan yang terkini** bagi tujuan verifikasi ini. Lampiran ini juga boleh didapati di laman web <https://perlis.anm.gov.my/>.

5. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Unit Perakaunan Aset (UPA), JANM Negeri Perlis. Kerjasama Tuan/ Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**Unit Perakaunan Aset,
JANM Negeri Perlis**